



**SUDUT PANDANG RAJA ALI HAJI DALAM MEMERIHALKAN ILMU DAN ADAB
MENUNTUT ILMU MENERUSI GAYA BAHASA PERBANDINGAN DALAM
BUSTAN AL-KATIBIN LI'S-SIBYAN AL-MUTA'ALLIMIN**

**[THE PERSPECTIVE OF RAJA ALI HAJI IN DISCUSSING KNOWLEDGE AND
KNOWLEDGE SEEKING MANNERS THROUGH COMPARATIVE LANGUAGE
STYLES IN BUSTAN AL-KATIBIN LI'S-SIBYAN AL-MUTA'ALLIMIN]**

SABARIAH SULAIMAN & NOORHANIM SOFIE MAHASAN ^{1*}

¹ Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA. E-mel: sabariah.sulaiman@fbk.upsi.edu.my
e-mail hanim.sofie99@gmail.com

Corresponding Author: sabariah.sulaiman@fbk.upsi.edu.my

Received: 19 November 2021

Accepted: 11 November 2021

Published: 13 Disember 2021

Abstrak: Makalah ini memerihalkan ilmu dan adab menuntut ilmu menerusi Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin (1267H/1850M) dari sudut pandang penulisnya iaitu Raja Ali Haji. Di samping itu makalah ini memperjelaskan hal tersebut dengan memfokuskan kepada gaya bahasa perbandingan yang digunakan dalam kitab ini. Data dikumpul secara kualitatif iaitu penganalisisan data menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil penelitian jelas menunjukkan bahawa perihal adab dan ilmu dari sudut pandang Raja Ali Haji dapat diklasifikasikan kepada empat iaitu adab dan nilai, adab dan syarat menuntut ilmu serta adab menuntut ilmu dan berguru serta sifat yang menghalang dalam menuntut ilmu. Raja Ali Haji juga telah menerangkan mengenai adab dan ilmu dengan jelas serta menarik menggunakan cara penyampaiannya yang tersendiri iaitu melalui penggunaan gaya bahasa perbandingan yang pelbagai seperti perumpamaan, metafora, personifikasi, pleonasme, perifrasis dan antitesis. Melalui kajian ini, para pendidik dan penyelidik dapat mengetahui adab menuntut ilmu dengan betul dan dapat memahami penggunaan gaya bahasa perbandingan dalam memerihalkan sesuatu perkara. Di samping itu, hasil kajian ini juga dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji lain yang ingin membuat kajian lanjut berkaitan gaya bahasa perbandingan atau berkaitan Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin.

Kata kunci: Raja Ali Haji, gaya bahasa perbandingan, Bustan al-Katibin, ilmu, adab

Abstract: This article discusses knowledge and knowledge seeking manners as highlighted in the book Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin (1267H/1850M) from the perspective of the author, Raja Ali Haji. The article particularly explains the abovementioned matters by focusing on the comparative language styles used in the book. The data were gathered and analysed qualitatively using the content analysis approach. Findings clearly show that the issues of manners and knowledge from the lens of Raja Ali Haji could be classified into four - manners and values; manners and conditions of knowledge seeking; manners in seeking knowledge and consulting teachers; and matters hindering knowledge seeking process. Raja Ali Haji also clearly and intriguingly explicates manners and knowledge using his unique delivery method, that is through a variety of comparative language styles including similes, metaphors, personifications, pleonasm, periphrases, and antitheses. Through this research, educators and researchers may learn the right manners in seeking knowledge, as well as the use of comparative

language styles in conveying certain things. Apart from that, the research findings are anticipated to serve as a reference for other researchers who are interested to conduct further research related to comparative language styles or *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin*.

Keywords: Raja Ali Haji, comparative language styles, *Bustan al-Katibin*, knowledge, knowledge seeking manners

Cite This Article:

Sabariah Sulaiman & Noorhanim Sofie Mahasan. 2021. Sudut pandang Raja Ali Haji dalam memerihalkan ilmu dan adab menuntut ilmu menerusi gaya bahasa perbandingan dalam *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin* [The perspective of Raja Ali Haji in discussing knowledge and knowledge seeking manners through comparative language styles in *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin*]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(4), 113-128.

PENGENALAN

Manuskrip *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin* telah dikarang oleh Raja Ali Haji, yang merupakan seorang penulis yang banyak menghasilkan karya samaada dalam bentuk prosa mahupun dalam bentuk puisi (Wong & Nik Safiah Karim, 2015). Beliau sangat berbakat dalam bidang kesusasteraan kerana membesar dalam lingkungan bangsawan Melayu (Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, 2007) dan telah meletakkan asas pengajian bahasa Melayu pada tempat yang sebenar, iaitu sebagai alat untuk memperoleh ilmu yang membawa kepada ketakwaan (Hashim Musa & Rozita Che Rodi, 2017). Manuskrip yang menggunakan tulisan Jawi ejaan lama dan bahasa Melayu lama ini telah siap dikarang pada bulan Zulkaedah iaitu pada hari Isnin, waktu Dhuha, sanat (tahun) 1267 di Mahkamah yang terletak di Negeri Riau. Antara kandungan yang terdapat dalam manuskrip ini adalah berkenaan tataejaan, tatabahasa dan tatacara penggunaan tulisan Jawi serta bahasa Melayu. Kandungan yang terdapat dalam kitab ini dimulai dengan *Muqaddimah* kemudian disusuli 30 *Fasal*, dan diakhiri dengan *Khatimah*.

Makalah ini memfokuskan bahagian *Muqaddimah* manuskrip *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin* iaitu pada halaman 4 hingga halaman 11. Pada bahagian tersebut, Raja Ali Haji memerihalkan mengenai ilmu dan adab menuntut ilmu. Raja Ali Haji menyifatkan adab sebagai cabang ilmu yang boleh diajar dan dipelajari kepada seseorang sehingga terbentuk akhlak yang terpuji dalam diri (Akmaliza Abdullah, Abdul Latif Samian, Adibah Muhtar & Siti Suhaila Ihwani, 2017). Sementara itu, kemahiran berbahasa mestilah ditunjangi dengan ilmu, akal dan adab, bukan sekadar dengan mempelajari ilmu bahasa secara khusus semata-mata (Akmaliza Abdullah & Abdul Latif Samian, 2017).

Aspek yang dianalisis dalam makalah ini adalah gaya bahasa; iaitu cara penulis menyampaikan buah fikiran mereka mengikut pengetahuan dan penggunaan kata yang sesuai. Gaya bahasa sebagai cara pemakaian bahasa dalam menyampaikan pemikiran terhadap sesuatu tema dan persoalan (Adenan Ayob 2018) serta bentuk penyampaian yang digunakan oleh seseorang bagi menyampaikan sesuatu yang terpendam dalam dirinya dengan gaya tersendiri berdasarkan kekuatan, pengalaman dan persekitarannya (Syakirah Rifa'in@Mohd Rifain, Mat Taib Pa & Rosni Samah, 2018). Di samping itu, penggunaan gaya bahasa dapat memperkaya dan memperindah kosa kata sesebuah penulisan dalam menyampaikan sesuatu mesej

(Muharam Awang & Shaiful Bahri Md. Radzi, 2020). Hal ini demikian kerana, gaya bahasa berkait dengan situasi dan suasana pengarang serta berperanan sebagai alat untuk meyakinkan dan mempengaruhi pembaca (Suci Indah Sari, Yulia Sri Hartati & Ria Satini, 2021) serta dapat membantu pengarang untuk melakarkan idea-ideanya sehingga diterima oleh masyarakat (Dian Uswatun Hasanah, Ferdian Achsani & Iqbal Syahrul Akbar Al Aziz, 2019).


Berdasarkan penelitian, terdapat pelbagai gaya bahasa perbandingan yang digunakan dalam bahagian *Muqaddimah Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin*. Gaya bahasa perbandingan berperanan untuk memperindah isi dalam sesebuah karya sastera (Dinda Deswita, Mohd. Harun, & Subhayni, 2018). Penggunaan gaya bahasa perbandingan bukan sahaja dapat meningkatkan nilai estetika penulisan, malah dapat menarik minat dan selera pembaca serta dapat memperkuat gagasan penulis. Gaya bahasa perbandingan yang digunakan oleh Raja Ali Haji dalam penulisan manuskrip ini memainkan peranan penting dalam memudahkan pembaca untuk memahami makna yang ingin disampaikan. Makalah ini memfokuskan kepada bahagian *Muqaddimah* yang memerihailah "kelebihan ilmu dan adab menuntut ilmu".

PERBINCANGAN

Penelitian secara analisis kandungan terhadap bahagian *Muqaddimah* kitab *Bustan Al-Katibin* dipersembahkan dalam dua sub topik utama iaitu perihal ilmu dan adab dari sudut pandang Raja Ali Haji dan gaya bahasa perbandingan yang digunakan dalam memerihailah perkara tersebut. Dapatan berhubung perkara ini dipaparkan dalam bentuk rajah-rajah bermula dari Rajah 1 hingga Rajah 5.

Perihal Ilmu dan Adab dari Sudut Pandang Raja Ali Haji


Di dalam bahagian *Muqaddimah Bustan Al-Katibin*, Raja Ali Haji telah menerangkan tentang kelebihan ilmu dan akal sebagai tujuan sebenar dalam pembelajaran bahasa. Menurut beliau, ilmu yang paling utama dipelajari oleh orang Islam ialah ilmu *ad'din* iaitu ilmu berkaitan agama Islam dan ilmu *kalam* iaitu ilmu berkata-kata atau ilmu berkomunikasi dengan baik iaitu dengan menggunakan akal. Keturunan dan pangkat tinggi yang dimiliki oleh seseorang akan menjadi sia-sia dan tidak akan berjaya tanpa ilmu yang sah, akal budi yang luhur dan adab sopan yang mulia. Di samping itu, aspek bahasa juga penting kerana, bahasa ialah wahana untuk mencapai matlamat tersebut iaitu menerusi tutur kata dan adab sopan yang baik, diikuti dengan melihat dari aspek kelakuan atau perbuatan seseorang. Pemerihailah ini dapat dicerakinkan kepada empat aspek seperti dalam Rajah 1 berikut.



RAJAH 1: Perihal ilmu dan adab dari sudut pandang Raja Ali Haji dalam *Muqaddimah*

Raja Ali Haji juga menghuraikan secara terperinci adab dan syarat menuntut ilmu yang sebenarnya mampu melahirkan seorang Melayu yang bukan sahaja fasih bercakap tetapi juga boleh bercakap dengan budi bahasa dan adab sopan yang mulia dengan ilmu yang benar. Adab dan nilai perlu disemat dalam diri seseorang sebagai prasyarat untuk menyemai ilmu yang benar kerana adab dan ilmu saling diperlukan dalam membantu dan membimbing seseorang manusia untuk mengenal, mengecam dan mengakui taraf dan hierarki atau martabat ilmu secara keseluruhannya. Berdasarkan hakikat adab, ilmu dan pendidikan, Raja Ali Haji menekankan ketertiban dalam semua perkara yang membawa kepada ketertiban ilmu. Raja Ali Haji sebenarnya mengukuh dan mengesahkan darjah ketertiban atau martabat ilmu yang membawa kepada kesahihan dan kebenaran ilmu dalam Islam. Darjah atau martabat yang paling tinggi dalam kewujudan dan kemuliaan ialah Allah (SWT), kemudian Rasulullah (SAW) dan seterusnya ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya. Penyebaran ilmu pengetahuan iaitu tentang ilmu bacaan dan tulisan (*ilmu wa al-qalam*) menjadi asas pembinaan akal dan adab kerana beliau berkata tidak kira berapa hebat pun bangsa itu jika tiada akal dan adab ke bawah juga jatuhnya, betapa pentingnya adab dan sopan tutur kata dan kemudiannya barulah kelakuan.

Beliau menekan tentang keperluan menjaga adab menuntut ilmu dan syaratnya bagi orang yang hendak menuntut ilmu. Antara syaratnya ialah menahan nafsu diri sendiri dan menjaga adab antara guru dan pelajar. Jika tidak melakukan kedua-dua perkara itu semua pekerjaan yang dilakukan akan menjadi sia-sia. Lima syarat menuntut ilmu dari sudut pandang Raja Ali Haji ialah **pertama**, *al-himmat* iaitu keinginan atau kesungguhan untuk mendapatkan ilmu. **Kedua**, *al-mudarasah* iaitu menelaah iaitu belajar sesuatu ilmu itu dengan teliti. **Ketiga**, *al-muhafazat* iaitu menghafal ilmu. **Keempat**, *muzakarah* iaitu membincangkan ilmu dan berkongsi kepada orang lain agar ramai mendapat manfaat dan mengukuhkan ingatan penuntut ilmu sendiri. **Kelima**, *mutala'at* yang bermaksud mengkaji dan mendalami ilmu yang diperoleh dari segi makna dan kandungannya secara mendalam. Sekiranya menghadapi kekeliruan tentang sesuatu ilmu itu, penuntut perlu bertanya kepada rakan-rakan sepengajian dan seterusnya merujuk kepada guru jika kekeliruan itu tidak dapat dirungkai. Sudut pandangan Raja Ali Haji dalam memerihalkan syarat menuntut ilmu diringkaskan seperti Rajah 2 berikut.



RAJAH 2: Lima syarat menuntut ilmu dari sudut pandang Raja Ali Haji

Seterusnya ialah penegasan Raja Ali Haji tentang perkaitan antara kemahiran berbahasa, ilmu yang tinggi dengan adab pekerti yang mulia. Dalam hal ini, beliau menekankan 10 adab untuk menuntut ilmu dan berguru.

Pertama, mengucapkan salam apabila bertemu dengan guru. Penuntut perlulah memberi salam kepada guru dan orang yang lebih berpangkat daripada mereka kerana terdapat keberkatan ilmu dalam hal ini.

Kedua, mengurangkan perkataan atau ujaran yang tidak bermanfaat semasa berada di hadapan guru. Raja Ali Haji menyatakan bahawa penuntut perlu menjaga setiap tutur bicara dan menggunakan bahasa yang halus dan sopan semasa bercakap dengan guru mahupun orang lain. Hal ini bertujuan untuk mengekalkan hubungan baik antara seseorang individu dengan individu yang lain.

Ketiga, tidak berkata atau menjawab soalan selagi tidak ditanya oleh guru. Dalam hal ini, penuntut perlu mengelakkan diri dari mencelah ketika guru sedang memperkatakan sesuatu. Mereka perlulah menunggu guru selesai memberi penerangan dan mula bertanya apabila guru sendiri membuka ruang soalan untuk bertanyakan soalan.

Keempat, meminta izin apabila hendak bertanya kepada guru. Penuntut perlulah meminta izin untuk bertanyakan soalan sekiranya guru telah memberi ruang untuk bertanya. Perbuatan melulu memanggil nama guru dan terus bertanya, dianggap sebagai perbuatan yang tidak sopan. Penuntut sepatutnya menghormati guru kerana guru merupakan insan yang memberi ilmu yang bermanfaat untuk kehidupan penuntut.

Kelima, sekiranya guru tersilap memberi maklumat, penuntut perlu meminta izin untuk membetulkan kesilapan itu secara berhemah. Raja Haji Ali juga menekankan konsep untuk berfikir sebelum bercakap itu penuntut tidak boleh mencelah dan memperbetulkan perkara yang diajari guru secara tidak berhemah. Hal ini kerana, ia akan menyebabkan seseorang guru akan berasa tersinggung dengan percakapan penuntut.

Keenam, mengelakkan daripada menunjukkan diri lebih pandai berbanding guru tetapi sebaliknya seseorang penuntut itu perlu menunjukkan rasa rendah diri kepada gurunya. Apabila guru membuka ruang untuk memberikan pandangan, elakkan bersikap endah tidak endah semasa bercakap. Hal ini akan mengguriskan hati guru dan menjadikan ilmu yang dipelajari tidak diberkati. Adalah menjadi kewajipan penuntut untuk menghormati guru sebagai insan yang memberi didikan dan ilmu.

Ketujuh, mengelakkan dari mempamerkan bahawa diri penuntutlah yang paling bijak di antara rakan sepengajiannya. Hal ini bermaksud, penuntut tidak boleh mencelah atau membuat isyarat kepada rakan di dalam kelas untuk menyokong segala tindakan yang telah dikatakan kepada guru sehingga guru kurang senang dengan sikap yang ditunjukkan oleh penuntut. Sikap itu merupakan sikap yang keji dan boleh menyebabkan rakan-rakan hilang tumpuan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Kelapan, tekun atau fokus semasa belajar merupakan sebahagian daripada adab dalam belajar. Justeru, penuntut perlu memberi perhatian sepenuhnya terhadap ilmu yang diajar oleh guru dan berfikir dengan baik sepanjang sesi pengajaran berlangsung. Sikap menoleh ke kanan dan ke kiri membuatkan penuntut hilang fokus pada waktu pengajaran dan akhirnya akan memberi kesan yang buruk terhadap kefahaman ilmu yang diperoleh.

Kesembilan, ketika guru sedang berada di dalam kelas dan proses pengajaran sedang berlangsung, janganlah bertanya soalan kepada guru secara melulu menyebabkan guru kurang senang dengan tindakan yang seolah-olah tidak menghormati dirinya. Penuntut boleh bertanya soalan, tetapi cukup dengan bertanya soalan yang paling penting agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik.


Kesepuluh, elakkan daripada berprasangka terhadap tindakan-tindakan guru. Penuntut tidak boleh membuat sebarang spekulasi yang tidak baik terhadap perbuatan guru. Sekiranya terdapat perselisihan faham, hendaklah segera diselesaikan dengan mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Penuntut perlu menjauhi sikap suka memburukkan keadaan dan mengata perihal guru dengan bahasa yang kurang baik sekiranya dia tidak berpuas hati dengan cara yang ditunjukkan oleh guru. Di sini beliau menyarankan agar penuntut menghormati guru kerana apabila mereka menghormati dan bersangka baik kepada guru, urusan pembelajaran lebih mudah dan ilmu yang dipelajari lebih diberkati. Pemerihal tentang 10 adab untuk menuntut ilmu dan berguru mengikut sudut pandang Raja Ali Haji ditunjukkan dalam Rajah 3.



RAJAH 3: 10 adab untuk menuntut ilmu dan berguru dari sudut pandang Raja Ali Haji

Seterusnya, Raja Ali Haji menekankan lima sifat buruk yang akan menghalang seseorang daripada mendapatkan ilmu. **Pertama**, sifat seseorang yang tidak sedar akan kejahilan diri sendiri terutamanya apabila disangka ilmu yang diperoleh sudah banyak dan tidak perlu belajar

lagi kerana sudah pandai. **Kedua**, sifat takbur dan tidak mahu berguru. Sifat ini hadir apabila seseorang tidak mahu merendahkan diri kepada orang lain. **Ketiga**, sifat was-was yang melampaui batas sama ada terhadap diri sendiri mahupun terhadap orang lain. **Keempat**, sifat malas dan tawar hati untuk menuntut ilmu serta lalai. Tabiat individu yang memiliki sifat ini lazimnya malas dan lemah dalam melakukan sesuatu pekerjaan tetapi sangat gemar berbaring-baring dan tidur pada masa yang tidak tepat. Mereka juga tidak dapat mengawal nafsu mereka. **Kelima**, sifat jahat dan buta mata hatinya terhadap kelebihan menuntut ilmu. Lima sifat buruk inilah yang menghalang seseorang daripada mendapatkan ilmu. Beliau berkata, apabila sudah mengetahui jalan yang mendatangkan ilmu dan jalan yang menghalang ilmu serta dikasihani Allah iaitu dikurniai cahaya petunjuk (*nur al-huda*) maka seseorang itu akan terbuka hati untuk berguru dan menuntut ilmu. Pemerihalan tentang lima sifat buruk yang zahir dalam diri seseorang yang dapat menghalang mereka daripada mendapatkan ilmu ditunjukkan dalam Rajah 4.



RAJAH 4: Lima sifat buruk yang akan menghalang mereka daripada mendapatkan ilmu dari sudut pandang Raja Ali Haji

GAYA BAHASA PERBANDINGAN OLEH RAJA ALI HAJI DALAM MEMERIHALKAN ILMU DAN ADAB MENUNTUT ILMU

Makalah ini hanya memfokuskan penggunaan gaya bahasa perbandingan dalam *Muqaddimah* manuskrip *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin*. Gaya bahasa perbandingan ialah gaya bahasa yang indah yang membandingkan sesuatu perkara dengan perkara yang lain dan gaya bahasa ini digunakan untuk menambahkan kesan dan kemaknaan dalam sesebuah penulisan (Ariff Mohamad, 2019).

Gaya bahasa perbandingan terbahagi kepada sepuluh jenis iaitu perumpamaan, metafora, personifikasi, depersonifikasi, alegori, antitesis, pleonasme atau tautologi, perfrasis, prolepsis atau antisipasi, dan koreksio atau epanortesis (Henry Guntur Tarigan, 2013; Arni Susanti Oktavia, 2017). Namun begitu, dalam kajian ini, hanya enam jenis gaya bahasa perbandingan sahaja yang telah ditemui oleh pengkaji pada bahagian *Muqaddimah* manuskrip *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin*, antaranya ialah perumpamaan, metafora, personifikasi, pleonasme, perfrasis dan antitesis.

Perumpamaan

Perumpamaan merupakan bentuk peribahasa yang paling mudah dikenali kerana ciri-cirinya yang menggunakan kata perbandingan iaitu kata yang mengandungi makna perbandingan misalnya ibarat, seperti, bagai, bak, umpama dan laksana. Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2010) menjelaskan, perumpamaan atau istilah Inggerisnya ialah *simile* merupakan perbandingan makna yang sangat jelas kerana ia didahului oleh perkataan *bagai, bak, ibarat, macam, seolah-olah, seperti* dan *umpama*. Menurut Arni Susanti Oktavia (2017) pula, perumpamaan ialah perbandingan dua hal yang berlainan tetapi dianggap sama yang diungkapkan dengan perbandingan eksplisit yang dinyatakan dengan kata *ibarat, bak, umpama, laksana* dan sebagainya. Sementara itu, ahli bahasa dan ulama tafsir mengemukakan bahawa perumpamaan adalah berkisarkan ungkapan perbandingan, persamaan dan penyerupaan antara suatu hal dengan hal yang lain (Syed Sultan Bee Packeer Mohamed, 2018). Perumpamaan yang terzhahir daripada pemikiran masyarakat Melayu dalam menyampaikan pandangan tersendiri menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sangat peka terhadap persekitaran mereka (Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan, 2017). Contoh ayat yang menggunakan gaya bahasa ini dalam *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin* ialah:

Maka tatkala itu adalah hukuman **badan itu seperti binatang**, itu pun jikalau tiada menyakiti orang, **dihukumkan seperti binatang yang buas atau seperti syaitan dan iblis yang kena la'nat Allah**, adanya (*Muqaddimah*, halaman 4)

Berdasarkan contoh ayat di atas, terdapat dua perumpamaan iaitu '*badan itu seperti binatang*' dan '*dihukumkan seperti binatang yang buas atau seperti syaitan dan iblis yang kena la'nat Allah*'. Perumpamaan '*badan seperti binatang*' merujuk kepada seseorang yang tidak berakal. Hal ini demikian kerana, haiwan ialah makhluk yang tidak berakal. Manakala perumpamaan '*dihukumkan seperti binatang yang buas atau seperti syaitan dan iblis yang kena la'nat Allah*' pula membawa maksud seseorang yang tidak berakal dan menyakiti orang lain dianggap seperti syaitan dan iblis yang dilaknat Allah. Hal ini demikian kerana, iblis dan syaitan merupakan makhluk yang jahat yang mengingkari perintah Allah dan suka menghasut serta mengganggu manusia. Perumpamaan ini menunjukkan bahawa betapa hinanya seseorang yang tidak berakal dan suka menyakiti seseorang.

Dan kedelapan, janganlah ia berpaling ke kanan dan ke kiri, maka hendaklah ia duduk dengan ketetapan pada hal beradab serta **menundukkan kepalanya seolah-olah di dalam sembahyang** (*Muqaddimah*, halaman 11).

Perumpamaan yang terdapat dalam ayat di atas adalah '*menundukkan kepalanya seolah-olah di dalam sembahyang*'. Perumpamaan ini membandingkan perbuatan seseorang iaitu menundukkan kepala ketika belajar dengan perbuatan menundukkan kepala ketika solat. Dalam konteks ayat di atas, menundukkan kepala memperlihatkan rasa hormat kepada seseorang yang lebih tua dan lebih tinggi darjatnya iaitu orang yang lebih berilmu iaitu guru. Hal ini demikian kerana, manusia lazimnya cenderung mengangkat leher atau kepala sebagai tanda keangkuhan

dan kesombongan. Oleh itu, Raja Ali Haji menggunakan perumpamaan ini untuk menunjukkan rasa hormat seseorang kepada gurunya perlu ada dalam diri para pelajar.

Maka hendaklah **kasihkan gurunya itu seperti bapanya** juga, adanya.
(*Muqaddimah*, halaman 11)

Ayat di atas memaparkan perumpamaan yang digunakan oleh Raja Ali Haji dalam penulisannya iaitu '*kasihkan gurunya itu seperti bapanya*'. Perumpamaan '*kasihkan gurunya itu seperti bapanya*' membawa maksud seseorang itu perlulah mengasihi iaitu menyayangi dan menghormati gurunya sebagaimana mereka menyayangi dan menghormati ayah mereka sendiri. Raja Ali Haji menggunakan kata pembanding 'seperti' untuk membandingkan kasih sayang yang diberikan kepada guru dan kasih sayang yang diberikan kepada ayah. Secara ringkasnya, konteks ayat tersebut bermaksud pelajar haruslah menyayangi dan menghormati guru mereka.

Metafora

Metafora adalah perbandingan dua hal secara langsung dalam bentuk yang ringkas (Adenan Ayob, 2018; Ariff Mohamad, 2019; Asnani, 2020), dan tidak menggunakan kata pembanding iaitu seperti, *bak, bagai dan seolah-olah* (Norhidayu Hasan & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2017; Adenan Ayob, 2018; Ariff Mohamad, 2019). Metafora mengandungi unsur-unsur kiasan atau maksud tersirat, yang lazimnya membawa maksud yang berbeza daripada maksud literal (Fariqul Haq Tengku & Khazriyati Salehuddin, 2020). Kebiasaannya, metafora menggunakan dua kata, iaitu kata yang bersifat konkrit dan yang bersifat abstrak (Ariff Mohamad, 2019). Secara ringkasnya, gaya bahasa metafora merupakan gaya bahasa yang menggabungkan dua hal atau kata yang bersifat konkrit dan abstrak secara langsung. Berikut merupakan contoh penggunaan gaya bahasa metafora dalam penulisan Raja Ali Haji:

Dan lagi kata hukama', bermula itu '*akal basra*'atu '*l-fahm*', ertinya , tanda ber'akal segera faham dan *tahratu* '*l-'aqlu husnu* '*l-ikhtiar wa dalil litahu sohbatu* '*l-ikhtiar*, ertinya **buah 'akal** itu membaikkan ikhtiar, dan tandanya bersahabat dengan orang yang pilihan daripada orang yang baik-baik, dan lagi kata hukama' *man sa'a adabahu dha'an nasbahu*, barang siapa jahat adabnya sia-sialah bangsanya.
(*Muqaddimah*, halaman 4)

Frasa '*buah akal*' merupakan gaya bahasa metafora kerana metafora membandingkan dua hal iaitu sesuatu yang bersifat konkrit iaitu boleh dilihat atau dipegang dan yang bersifat abstrak iaitu tidak boleh dilihat dan dipegang. Dalam frasa '*buah akal*', perkataan '*buah*' merupakan hal yang konkrit manakala '*akal*' merupakan hal yang bersifat abstrak kerana akal tidak dapat dipegang atau disentuh. Dalam konteks ayat ini, frasa '*buah akal*' merujuk kepada ilmu pengetahuan iaitu dengan ilmu pengetahuan, seseorang dapat membuat pilihan yang terbaik. Buah akal disamakan dengan ilmu pengetahuan kerana akal merupakan sumber ilmu dan merupakan sendi kepada ilmu pengetahuan.

Personifikasi

Personifikasi ialah gaya bahasa yang mengubah sifat-sifat benda tidak hidup menjadi sifat-sifat benda hidup (Obi Samhudi, Chairil Effendy & Christanto Syam, 2017) dan memberikan sifat-sifat dan tingkah laku manusia kepada objek tidak bernyawa, sesuatu yang abstrak dan haiwan (Melati Desa, 2020). Personifikasi tidak terhad kepada pemberian sifat manusia kepada perkara tidak hidup sahaja, malah sifat manusia juga diberikan kepada hidupan lain selain manusia seperti haiwan. Secara ringkasnya, gaya bahasa personifikasi ialah gaya bahasa yang memberikan sifat-sifat dan tingkah laku manusia kepada bukan manusia. Berikut merupakan contoh penggunaan gaya bahasa personifikasi dalam penulisan Raja Ali Haji:

Syahadan jika demikian nyatalah apabila tiada ‘ilmu dan ‘akal, ‘alamat tiadalah ia mencium bau kemuliaan dan sangatlah jinak kehinaan kepadanya, maka terbukalah pintunya, **maka masuklah kehinaan** itu pada tiap-tiap pintu itu.
(*Muqaddimah*, halaman 4)

Berdasarkan ayat di atas, kalimat ‘*masuklah kehinaan itu*’ ialah contoh gaya bahasa personifikasi yang digunakan oleh Raja Ali Haji dalam penulisannya. Perkataan ‘*kehinaan*’ bukanlah manusia dan ianya bersifat abstrak. Kehinaan adalah terkutuk, tercela atau keadaan yang menyengsarakan seseorang. Manakala ‘*masuk*’ adalah perbuatan manusia iaitu pergi ke sesuatu tempat. Kalimat ‘*masuklah kehinaan itu*’ merupakan contoh gaya bahasa personifikasi kerana kata yang bersifat abstrak iaitu ‘*kehinaan*’, diberikan sifat atau perbuatan manusia iaitu ‘*masuk*’. Maksud kalimat ‘*masuklah kehinaan itu*’ dalam konteks ayat di atas ialah perbuatan terkutuk akan dilakukan oleh orang yang tidak berilmu.

Adalah apabila **sudah keluar ‘akalnya itu** daripada badannya, **malu pun mengikut jualah** ia.
(*Muqaddimah*, halaman 4)

Berdasarkan ayat di atas, kalimat ‘*sudah keluar akalanya itu*’ dan ‘*malu pun mengikut jualah*’ ialah contoh-contoh gaya bahasa personifikasi yang digunakan oleh Raja Ali Haji dalam penulisannya. Akal dan malu bukanlah manusia. Bahkan kalimat-kalimat tersebut ialah sesuatu yang tidak bernyawa serta abstrak. Hal-hal abstrak tersebut diberikan sifat-sifat manusia atau perbuatan-perbuatan manusia seperti ‘*keluar*’ dan ‘*ikut*’. Maksud kalimat ‘*sudah keluar akalanya itu*’ ialah akal fikiran seseorang itu sudah tidak waras atau seseorang itu berfikiran tidak rasional. Maksud kalimat ‘*malu pun mengikut jualah*’ dalam konteks ayat di atas pula adalah apabila seseorang itu tidak menggunakan akal dengan baik atau seseorang itu tidak berfikiran rasional, maka seseorang itu sudah tiada rasa malu.

Pleonasme

Pleonasme adalah pemakaian kata yang mubazir iaitu berlebihan, yang sebenarnya tidak perlu dan apabila kata yang berlebihan itu digugurkan, ertinya tetap utuh (Henry Guntur Tarigan, 2013; Aruna Laila, 2016; Riana Dwi Lestari & Eli Syarifah Aeni, 2018). Dalam konteks sastra, gaya bahasa pleonasme berperanan untuk menegaskan atau memberi penekanan terhadap sesuatu gambaran atau pernyataan. Raja Ali Haji juga menyelitkan gaya bahasa pleonasme dalam manuskrip *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin*.

Bermula kehendak ilmu perkataan pada jalan berkata-kata kerana **adab dan sopan** itu daripada tutur kata juga asalnya, kemudian baharulah pada kelakuan. (*Muqaddimah*, halaman 5)

Ayat di atas termasuk dalam gaya bahasa pleonasme kerana terdapat pemakaian kata yang berlebihan, iaitu '*adab dan sopan*'. Adab bermaksud tingkah laku, tutur kata yang halus dan budi bahasa yang baik yakni sopan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Ini bermaksud '*adab*' dan '*sopan*' membawa erti yang sama. Sekiranya salah satu daripada perkataan tersebut dihilangkan atau digugurkan, ertinya tetap utuh dan tidak mengalami apa-apa perbezaan walaupun telah mengalami penghilangan kata. Contohnya, sekiranya ayat di atas diubah menjadi '*Bermula kehendak ilmu perkataan pada jalan berkata-kata kerana adab itu daripada tutur kata juga asalnya, kemudian baharulah pada kelakuan*', maksud ayat tersebut masih lagi sama seperti ayat asal.

Bermula apabila sudah engkau ketahui jalan yang mendatangkan 'ilmu dan jalan yang menegahkan 'ilmu serta dikasihani Allah Ta'ala akan dikau, iaitu dikurnainya akan dikau *nur al-huda* itu, ya'ni cahaya petunjuk, adalah 'alamatnya terbuka kepada hatimu hendak **berguru menuntut ilmu**, maka hendaklah engkau ketahui dahulu daripada segala adab berguru, adanya. (*Muqaddimah*, halaman 11)

Terdapat penggunaan kata mubazir iaitu kata yang berlebihan dalam ayat di atas iaitu perkataan '*berguru*' dan '*menuntut ilmu*'. Hal ini demikian kerana dalam konteks ayat tersebut, '*berguru*' dan '*menuntut ilmu*' membawa maksud yang sama iaitu belajar. Sekiranya kalimat '*menuntut ilmu*' atau '*berguru*' digugurkan, makna ayat tersebut masih utuh dan ayat tersebut masih gramatis.

Perifrasis

Gaya bahasa perifrasis ialah gaya bahasa yang mempunyai perkataan yang lebih banyak daripada yang diperlukan (Sulpisius Narto & Ans. Prawati Yuliantari, 2018; Asnani, 2020) dan kata-kata tersebut dapat digantikan dengan satu kata sahaja (Henry Guntur Tarigan, 2013; Aruna Laila, 2016; Asnani, 2020). Perifrasis ialah sejenis gaya bahasa yang hampir sama dengan gaya bahasa pleonasme kerana kedua-duanya menggunakan kata-kata yang lebih banyak dari yang diperlukan. Namun begitu, kedua-duanya mempunyai perbezaan yang ketara.

Secara ringkasnya, gaya bahasa perifrasis ialah gaya bahasa yang menggunakan banyak perkataan untuk mengungkapkan sesuatu hal sedangkan perkataan tersebut boleh diungkapkan atau ditulis menggunakan satu perkataan sahaja. Gaya bahasa ini dapat dilihat dalam penulisan Raja Ali Haji pada bahagian *Muqaddimah* manuskrip *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin*.

Dan kelima, janganlah ia **mengata pada melintang** perkataan gurunya seperti katanya itu si polan menyalahi perkataanmu (*Muqaddimah*, Halaman 11).

Ayat di atas termasuk dalam gaya bahasa perifrasis. Hal ini demikian kerana terdapat pemakaian kata yang berlebihan, iaitu pada kalimat '*mengata pada melintang*'. Kalimat ini dapat digantikan dengan satu perkataan sahaja iaitu '*menyangkal*' atau '*membantah*' kerana membawa maksud yang sama, cuma jumlah perkataannya sahaja yang berbeza. Berdasarkan konteks ayat di atas, kalimat ini membawa maksud janganlah menyangkal kata-kata guru.

Maka apabila tiada yang dua perkara itu sia-sialah pekerjaanmu itu, mudah-mudahan barangkali mendapat engkau celaka **di dalam dunia dan akhirat** adanya (*Muqaddimah*, halaman 5).

Berdasarkan ayat di atas, kalimat '*di dalam dunia dan akhirat*' mengandungi gaya bahasa perifrasis. Hal ini demikian kerana kalimat tersebut dapat digantikan dengan perkataan lain yang lebih pendek dan tidak menggunakan perkataan yang berlebihan. Sebagai contoh, '*di dalam dunia dan akhirat*' boleh digantikan dengan kata '*selama-lamanya*' atau '*sentiasa*' kerana memberikan maksud yang bersesuaian dengan konteks ayat. Dalam konteks ayat tersebut, kalimat ini membawa maksud sekiranya seseorang tidak melakukan dua perkara tersebut iaitu tidak menjaga nafsu dan tidak beradab dengan guru, maka semua pekerjaan yang dilakukan akan menjadi sia-sia dan mereka akan mendapat kecelakaan selama-lamanya.

Syahadan apabila engkau mendengar akan perkataan yang demikian itu seyogianyalah jangan engkau lawan berbantah lagi kerana orang yang menyalahi daripada perkataan yang demikian ini telah disesatkan Allah Ta'ala perjalanannya sudah *ghalib syaqawahnya* dan telah hitamlah hatinya serta dengan tebalnya dan **tiada berguna lagi** pengajaran kita dan nasihat kita melainkan ingat sahajalah engkau akan hikayat Nabi Allah Ibrahim 'alaihi's-salam tatkala ia menghujah kaumnya itu yang menyembah ia akan berhala (*Muqaddimah*, halaman 10).

Kalimat '*tiada berguna lagi*' juga merupakan kalimat yang mengandungi gaya bahasa perifrasis dan boleh digantikan dengan perkataan lain yang lebih pendek. Sebagai contoh, '*tiada berguna lagi*' boleh digantikan dengan kata '*sia-sia*' kerana memberikan maksud yang sama dan bersesuaian dengan konteks ayat. Dalam konteks ayat tersebut, kalimat ini membawa maksud ilmu dan nasihat yang telah diberikan menjadi sia-sia sekiranya seseorang itu berkelahi terutamanya dengan seseorang yang tidak berilmu dan tidak berfikiran rasional.

Antitesis

Antitesis ialah gaya bahasa yang membandingkan antara dua antonim iaitu kata-kata yang mengandungi ciri-ciri semantik yang bertentangan (Henry Guntur Tarigan, 2013; Aruna Laila, 2016). Ringkasnya, gaya bahasa ini menggunakan kata-kata yang berlawanan dalam sesebuah ayat. Gaya bahasa antitesis juga ditemui dalam penulisan Raja Ali Haji pada bahagian *Muqaddimah* manuskrip *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin*.


Syahadan ketahui olehmu hai sekalian orang yang menuntut ilmu, adalah **kaya** dan **miskin** itu berkali-kali bukan pada pihak itu diperbuat tanda orang yang mulia dan orang yang berbahagia kerana **miskin** dan **kaya** itu datang ia daripada orang yang **mulia**, dan datang ia kepada orang yang **hina**, dan datang ia kepada orang yang **cedik**, dan datang ia kepada orang yang **bodoh**, dan datang ia kepada orang yang **baik-baik**, dan datang juga ia kepada orang yang **jahat-jahat** (*Muqaddimah*, halaman 10).

Ayat di atas termasuk dalam gaya bahasa antitesis. Hal ini demikian kerana terdapat pemakaian beberapa antonim dalam satu ayat. Jika diteliti, kata '*kaya*' berlawanan dengan '*miskin*'. Kata '*mulia*' berlawanan dengan '*hina*'. Kata '*cerdik*' berlawanan dengan '*bodoh*'. Manakala, kata '*baik-baik*' berlawanan dengan '*jahat-jahat*'. Berdasarkan konteks ayat di atas, kesemua kata antonim tersebut menggambarkan bahawa sesiapa sahaja boleh menjadi miskin atau kaya tanpa mengira darjatnya, kepintarannya dan amalannya.

Maka apabila tiada yang dua perkara itu sia-sialah pekerjaanmu itu, mudah-mudahan barangkali mendapat engkau celaka di dalam **dunia** dan **akhirat** adanya (*Muqaddimah*, halaman 5).

Kata '*dunia*' dan '*akhirat*' ialah perkataan yang membawa erti berlawanan. Dunia bermaksud alam yang kita duduki ini, manakala akhirat bermaksud alam yang kekal sesudah hari kiamat atau selepas kehidupan di dunia (Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua, 2015). Kedua-dua kata berlawanan ini digunakan dalam ayat yang sama. Dalam konteks ayat di atas, kedua-dua kata yang bertentangan ini membawa maksud '*sepanjang zaman*' atau '*selama-lamanya*' iaitu sekiranya seseorang tidak melakukan dua perkara tersebut iaitu tidak menjaga nafsu dan tidak beradab dengan guru, maka semua pekerjaan yang dilakukan akan menjadi sia-sia dan mereka akan mendapat kecelakaan buat selama-lamanya.

Menerusi penelitian mengenai gaya bahasa perbandingan yang digunakan oleh Raja Ali Haji dalam bahagian *Muqaddimah*, terdapat enam jenis gaya bahasa perbandingan yang paling menonjol seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5 di bawah.



RAJAH 5: Enam jenis gaya bahasa perbandingan yang paling menonjol dalam pemerihalan ilmu dan adab dari sudut pandang Raja Ali Haji

KESIMPULAN

Pada dasarnya bahagian *Muqaddimah* manuskrip *Bustan al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin* memerihalkan mengenai “Kelebihan Ilmu dan Adab”. Perihal adab dan ilmu dari sudut pandang Raja Ali Haji dapat diklasifikasikan kepada empat iaitu adab dan nilai, adab dan syarat menuntut ilmu, adab menuntut ilmu dan berguru serta sifat yang menghalang dalam menuntut ilmu. Raja Ali Haji telah menerangkan mengenai adab dan ilmu dengan jelas serta menarik menggunakan cara penyampaiannya yang tersendiri iaitu melalui penggunaan gaya bahasa yang mempersonakan. Pelbagai gaya bahasa perbandingan digunakan dalam memerihalkan ilmu dan adab menuntut ilmu dalam bahagian *Muqaddimah* iaitu perumpamaan, metafora, personifikasi, pleonasme, perifrasis dan antitesis. Kebijaksanaan Raja Ali Haji dalam mengaplikasikan gaya bahasa ini dalam penulisannya dapat membantu pembaca memahami bait-bait yang diungkapkan atau ditulis dengan lebih jelas. Selain itu, gaya bahasa yang digunakan juga dapat memperindah isi penulisan, menarik minat pembaca dan memperkuat gagasan yang dingin disampaikan. Kehebatan Raja Ali Haji dalam ilmu penulisan jelas kelihatan melalui penggunaan gaya bahasa yang cukup menarik dan mempersonakan dalam penulisannya.

RUJUKAN

- Adenan Ayob. 2018. Manipulasi kebolehcapaian murid dalam gaya bahasa berasaskan teks interaktif permainan bahasa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 3(10): 50-64. Diperoleh daripada <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=124230>.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2010. *Kamus pepatah, bidalan & perumpamaan*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Akmaliza Abdullah & Abdul Latif Samian. 2017. Unsur-unsur alam dalam pendidikan akhlak masyarakat Melayu menerusi beberapa karya Raja Ali Haji. *Jurnal Hadhari* 9(2): 353-

365. Diperoleh daripada <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=112987>.
- Akmaliza Abdullah, Abdul Latif Samian, Adibah Muhtar & Siti Suhaila Ihwani. 2017. Unsur binatang dalam pendidikan adab masyarakat Melayu berdasarkan karya Raja Ali Haji. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)* 1(5): 68-77. Diperoleh daripada <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=126154>.
- Ariff Mohamad. 2019. *Memahami dan menguasai kesusasteraan dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Muhibbah Publications.
- Arni Susanti Oktavia. 2017. *Mengenal gaya bahasa dan peribahasa*. Bandung: CV. Rasi Terbit.
- Aruna Laila. 2016. Gaya bahasa perbandingan dalam kumpulan puisi Melihat Api Bekerja karya M Aan Mansyur (tinjauan stilistika). *Jurnal Gramatika: Jurnal Penelitian Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia* 2(2): 146-163. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.22202/jg.2016.v2i2.842>.
- Asnani. 2020. Analisis gaya bahasa dalam novel Dilan: Dia adalah Dilanku 1990 karya Pidi Baiq. *Jurnal Bahasa dan Sastra* 5(4): 106-125. Diperoleh daripada <http://jurnal.untad.ac.id/jurnal/index.php/BDS/article/view/12750>.
- Dian Uswatun Hasanah, Ferdian Achsani & Iqbal Syahrul Akbar Al Aziz. 2019. Analisis penggunaan gaya bahasa pada puisi-puisi karya Fadli Zon. *KEMBARA: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya* 5(1): 13-26. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.22219/kembara.v5i1.8187>.
- Dinda Deswita, Mohd. Harun, & Subhayni. 2018. Analisis perbandingan dalam Hikayat Ibrahim Hasan karya Nurman Syamhas. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Program Studi Bahasa dan Sastra Indonesia* 3(3): 294-302. Diperoleh daripada <http://jim.unsyiah.ac.id/pbsi/article/view/9835>.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. 2007. Perkembangan kaedah tulisan Jawi: Analisa beberapa karya Raja Ali Haji Kelana. *Jurnal Al-Tamaddun* 2(1): 67-87. Diperoleh daripada <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=70412>
- Fariqul Haq Tengku & Khazriyati Salehuddin. 2020. Pembacaan ungkapan literal dan metafora Melayu: Satu kajian penjejakan mata. *GEMA Online Journal of Language Studies* 20(2): 18-35. Diperoleh daripada <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-02>.
- Hashim Musa & Rozita Che Rodi. 2017. Raja Ali Haji: Cendekiawan ulung dan pemikir besar merentas zaman. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 5(2): 13-28. Diperoleh daripada <https://www.ukm.my/jatma/jilid-5-bil-2/>.
- Henry Guntur Tarigan. 2013. *Pengajaran gaya bahasa*. Bandung: CV. Angkasa.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. 2017. Refleksi dualisme 'Durian-Timun' dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik* 21(2): 1-14. Diperoleh daripada <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/18>.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Melati Desa. 2020. Analisis terjemahan metafora hidup dan personifikasi dalam novel Jepun Haru no Yuki. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*

- 4(4): 115-139. Diperoleh daripada <https://myjournal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=152078>.
- Muharam Awang & Shaiful Bahri Md. Radzi. 2020. Indah lagi mengasyikkan: Gaya bahasa pertautan Usman Awang dalam puisinya. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(3): 33-42. Diperoleh daripada <https://www.ukm.my/jatma/jilid-8-bil-3/>.
- Norhidayu Hasan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2017. Kiasan dalam novel "Cinta Sang Ratu" dari sudut pragmatik. *Jurnal Kesidang* 2(1): 31-44. Diperoleh daripada <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/318>.
- Obi Samhudi, Chairil Effendy & Christanto Syam. 2017. Jenis dan fungsi gaya bahasa dalam pemaknaan kumpulan cerpen Kembalinya Tarian Sang Waktu: Stilistika. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa* 6(12): 1-9. Diperoleh daripada <https://jurnal.untan.ac.id/index.php/jpdpb/article/view/23107>.
- Raja Ali Haji. 2005. *Bustan al-Katibin*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Riana Dwi Lestari & Eli Syarifah Aeni. 2018. Penggunaan gaya bahasa perbandingan pada kumpulan cerpen mahasiswa. *Semantik* 7(1): 1-11. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.22460/semantik.v7i1.p%25p>.
- Suci Indah Sari, Yulia Sri Hartati & Ria Satini. 2021. Gaya bahasa perbandingan dalam novel karya Okky Madasari. *Jurnal Inovasi Penelitian* 1(11): 2499-2504. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.47492/jip.v1i11.499>.
- Sulpisius Narto & Ans. Prawati Yuliantari. 2018. Gaya bahasa pada lirik lagu pop daerah Manggarai. *PROLITERA: Jurnal Penelitian Pendidikan, Bahasa, Sastra, dan Budaya* 1(2): 122-130. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.36928/jpro.v1i2.521>.
- Syakirah Rifa'in@Mohd Rifain, Mat Taib Pa & Rosni Samah. 2018. Gaya bahasa amr bagi konteks haji dalam Surah al-Baqarah. *GEMA Online Journal of Language Studies* 18(2): 235-254. Diperoleh daripada <http://dx.doi.org/10.17576/gema-2018-1802-16>.
- Syed Sultan Bee Packeer Mohamed. 2018. Deskripsi keesaan Allah s.w.t. menurut perumpamaan dalam al-Quran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 3(14): 122 - 137. Diperoleh daripada <https://myjournal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=136563>.
- Wong, A. L. C. & Nik Safiah Karim. 2015. Syair Siti Sianah: Beberapa ciri kepenyairan Raja Ali Haji dari perspektif bahasa. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(1): 15-23. Diperoleh daripada <https://www.ukm.my/jatma/jilid-3-bil-1/>.